

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 JANUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 22

### Kadar inflasi Malaysia terus terkawal kekal 1.5 peratus



#### Peningkatan didorong faktor kenaikan perlahan beberapa komponen

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

Kadar inflasi keseluruhan Malaysia yang diukur menerusi Indeks Harga Pengguna (IHP) terus terkawal apabila kekal 1.5 peratus pada Disember 2023, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ini menjadikan inflasi keseluruhan secara tahunan pada 2023 meningkat 2.5 peratus berbanding 3.3 peratus pada 2022.

Inflasi teras meningkat lebih perlahaan kepada 1.9 peratus berbanding 2.0 peratus pada November 2023 dan masih mele过asi inflasi keseluruhan Malaysia pada 1.5 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kadar inflasi pada bulan itu didorong peningkatan perlahaan restoran & hotel (3.7 peratus), pelbagai barang dan perkhidmatan (2.7 peratus) dan maka-

nan & minuman bukan alkohol (2.3 peratus).

Bagaimanapun, beliau berkata, kumpulan utama lain yang menunjukkan peningkatan adalah kesihatan (2.5 peratus) dan pengangkutan (0.3 peratus).

Katanya, kumpulan makanan & minuman bukan alkohol yang menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajarnya IHP terus merekodkan peningkatan sederhana 2.3 peratus berbanding 2.6 peratus pada November 2023.

"Komponen makanan di rumah meningkat kepada 1.3 peratus berbanding 1.4 peratus yang direkodkan bulan sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Uzir berkata, kenaikan komponen makanan di rumah adalah didorong terutamanya oleh subkumpulan beras, roti & bijirin lain (3.0 peratus).

Beliau berkata, ini diikuti oleh perbelanjaan beras yang mencatatkan peningkatan perlahaan 4.6 peratus berbanding 4.7 peratus pada November 2023. Beras import dan beras wangi import masing-masing mencatatkan peningkatan 10.1 peratus dan 6.0 peratus pada Disember 2023.

"Manakala, kelas perbelanjaan tepung & bijirin lain menurun kepada negatif 0.3 peratus. Inflasi subkumpulan susu, keju & telur meningkat 2.6 peratus pada bulan Disember 2023. Kenaikan yang lebih rendah ini telah dicatatkan oleh kelas perbelanjaan susu tepung & keluaran susu lain (3.8 peratus), telur (0.9 peratus) dan susu cair/ susu pekat (0.7 peratus).

"Sementara itu, inflasi subkumpulan minyak & lemak mencatatkan kenaikan marginal kepada 0.1 peratus. Mekanisme penetapan harga minyak masak yang

perbelanjaan beras yang mencatatkan peningkatan perlahaan 4.6 peratus berbanding 4.7 peratus pada November 2023. Beras import dan beras wangi import masing-masing mencatatkan peningkatan 10.1 peratus dan 6.0 peratus pada Disember 2023.

"Manakala, kelas perbelanjaan tepung & bijirin lain menurun kepada negatif 0.3 peratus. Inflasi subkumpulan susu, keju & telur meningkat 2.6 peratus pada bulan Disember 2023. Kenaikan yang lebih rendah ini telah dicatatkan oleh kelas perbelanjaan di restoran dan kafe (4.0 peratus) dan perkhidmatan penginapan (2.4 peratus)."

"Walau bagaimanapun, inflasi kumpulan pelbagai barang & perkhidmatan meningkat 2.7 peratus berbanding 2.3 peratus pada November 2023. Ini didorong oleh kenaikan subkumpulan barang-barangan peribadi pada 9.4 peratus," katanya.

**Peningkatan inflasi**  
Beliau menambah, kebanyak-

**Peningkatan inflasi subkumpulan beras, roti & bijirin lain sebanyak 3.0 peratus pada Disember 2023 disumbangkan oleh kelas perbelanjaan beras yang mencatatkan peningkatan perlahaan.**

*Mohd Uzir Mahidin,  
Ketua Perangkawan Malaysia*

masih kekal dari 8 Disember 2023 hingga 7 Januari 2024 sedikit sebanyak dapat mengimbangi kenaikan inflasi subkumpulan ini," katanya.

Mohd Uzir berkata, kenaikan perlahaan bagi kumpulan restoran & hotel sebanyak 3.7 peratus terutamanya didorong oleh peningkatan kedua-dua subkumpulan perbelanjaan di restoran dan kafe (4.0 peratus) dan perkhidmatan penginapan (2.4 peratus)."

"Walau bagaimanapun, inflasi kumpulan pelbagai barang & perkhidmatan meningkat 2.7 peratus berbanding 2.3 peratus pada November 2023. Ini didorong oleh kenaikan subkumpulan barang-barangan peribadi pada 9.4 peratus," katanya.

**Peningkatan inflasi**  
Beliau menambah, kebanyak-

negeri merekodkan peningkatan inflasi di bawah paras nasional 1.5 peratus.

Bagaimanapun, katanya, enam negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Sarawak (2.4 peratus), Putrajaya (2.1 peratus), Perak (1.9 peratus), Pulau Pinang (1.8 peratus), Selangor (1.7 peratus) dan Perlis (1.6 peratus).

"Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi makanan & minuman bukan alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Pulau Pinang dan Labuan pada 3.3 peratus, diikuti oleh Putrajaya (3.1 peratus), Selangor (3.0 peratus), Sarawak (2.9 peratus), Pahang (2.9 peratus) dan Perlis (2.3 peratus)."

"Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi makanan & minuman bukan alkohol nasional iaitu 2.3 peratus pada Disember 2023," katanya.

Bagi perbandingan dengan negara terpilih, inflasi di Malaysia adalah lebih rendah berbanding Filipina (3.9 peratus), Vietnam (3.6 peratus), Amerika Syarikat (3.4 peratus), Korea Selatan (3.2 peratus), Zon Euro (2.9 peratus) dan Indonesia (2.6 peratus).

Namun, kadar inflasi lebih tinggi berbanding Thailand (-0.8 peratus) dan China (-0.3 peratus).